

KEW.AH-21



No. Sebut Harga: JPVSEL/SH/ASET/01/2024

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA PELUPUSAN HAIWAN

Kementerian atau Jabatan:

**Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor,
Lot.28, Jalan Utas 15/7, Seksyen 15,
40200 Shah Alam, Selangor**

1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli Haiwan seperti berikut:-

Bil	Keterangan Haiwan	Kuantiti	Harga Simpanan (RM)	Deposit Sebut Harga (RM)
1.	Lembu Jantan Kacukan Local Indian Diary (LID)	11 ekor	14,719.00	5% daripada harga tawaran
2.	Lembu Betina Kacukan Local Indian Diary (LID)	8 ekor	11,235.00	5% daripada harga tawaran

2. Haiwan boleh dilihat pada **20 Februari 2024 (Selasa)** dan/hingga **21 Februari 2024 (Rabu)** di antara jam **10.00 pagi** hingga **4.00 petang** pada hari bekerja di alamat seperti dibawah.

PUSAT LATIHAN TEKNIKAL VETERINAR SUNGAI NILAM

TKPM Sungai Nilam, Hulu Selangor

Pegawai Yang : Puan Nurul Husna binti Aziz
Bertanggungjawab (PIC) 017-3113032

3. Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebut Harga Pelupusan Haiwan (KEW.AH-22) yang boleh diperoleh dengan harga RM10.00 di alamat seperti di para 4. Tempoh penjualan borang Sebut Harga adalah daripada **14 Februari 2024 (Rabu)** sehingga **29 Februari 2024 (Khamis)**.

Tawaran sah bagi tempoh 90 hari dari tarikh tutup sebut harga.

4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan di tanda No. Sebut Harga **JPVSEL/SH/ASET/01/2024** dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di alamat: -

**PETI SEBUT HARGA / TENDER
TINGKAT 1, BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN,
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR NEGERI SELANGOR,
LOT.28, JALAN UTAS 15/7, SEKSYEN 15,
40200 SHAH ALAM, SELANGOR.**

5. Jabatan ini tidak akan bertanggungjawab ke atas dokumen sebut harga yang dihantar melalui kiriman pos sekiranya berlaku sebarang kelewatan, kehilangan atau lain-lain lagi.
6. Tarikh tutup sebut harga pada **29 Februari 2024 (Khamis)** jam 12.00 tengah hari. Sebut Harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.



.....
(DR. HASSUZANA BINTI KHALIL)

Pengarah

Jabatan Perkhidmatan Veterinar

Negeri Selangor

Alamat: Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor, Lot.28, Jalan Utas 15/7, Seksyen 15, 40200 Shah Alam, Selangor.

Tarikh: 8/2/2024

Cap:



SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA

1. Haiwan akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Penyebut harga tidak boleh kurangkan kuantiti bagi setiap Kumpulan haiwan yang ditetapkan seperti di bawah:-

Bil	Keterangan Haiwan	Kuantiti
1.	Lembu Jantan Kacukan Local Indian Diary (LID)	11 ekor
2.	Lembu Betina Kacukan Local Indian Diary (LID)	8 ekor

3. Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak **5% daripada harga tawaran bagi kumpulan dan kuantiti haiwan yang ditetapkan**. Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk Wang Pos atau Draf Bank sahaja atas nama **BENDAHARI NEGERI SELANGOR**.
4. Tawaran tanpa/kurang deposit sebut harga tidak akan dipertimbangkan.
5. Semua Haiwan adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is basis*).
6. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian Haiwan seperti kos mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
7. Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh pada hari pengambilan Haiwan. Haiwan hendaklah diambil dalam tempoh tidak lebih daripada tujuh (7) hari selepas tarikh pemberitahu keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebut harga tidak akan dikembalikan.
8. Bagi yang berminat untuk membeli lebih dari **satu (1) kumpulan haiwan**, borang sebut harga dan deposit sebut harga hendaklah dikemukakan secara berasingan bagi setiap kumpulan haiwan.
9. Pembeli yang enggan mengambil haiwan selepas harganya disetuju diterima atau menarik balik sebut harganya sebelum keputusan dibuat, maka deposit sebut harganya tidak akan dikembalikan.
10. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas Haiwan yang telah dijual.